

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : JOM SHOPPING PERAYAAN**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk memperluaskan Program Jom Shopping perayaan untuk penganut Kristian?

**JAWAPAN:**

- a) Program Pemberian Bantuan Secara Baucar untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan atau lebih dikenali sebagai Program Jom *Shopping* merupakan program bantuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri secara tahunan sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Ianya merupakan program bantuan bersempena tiga (3) perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali di mana setiap keluarga yang kurang berkemampuan akan diberikan baucar untuk pembelian barangan keperluan bernilai RM100.00 di pasar raya terpilih.

Objektif program ini adalah untuk meringankan bebanan keluarga yang kurang berkemampuan bagi membuat persiapan menyambut perayaan. Program ini melibatkan peruntukan tahunan berjumlah RM8.4 juta dengan sasaran penerima seramai 84,000 orang.

Sehubungan dengan itu, antara kriteria-kriteria penerima bantuan yang layak bagi setiap perayaan adalah seperti berikut:-

- i. Penerima bantuan adalah masyarakat yang menyambut perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali;
- ii. Penerima bantuan mempunyai pendapatan seisi rumah RM1,500.00 dan ke bawah;
- iii. Penerima bantuan mestilah pengundi berdaftar di DUN berkenaan;
- iv. Hanya seorang penerima bantuan sahaja yang layak menerima baucar bagi setiap keluarga; dan
- v. Penerima bantuan bukan penerima manfaat di bawah Program Kasih Ibu *Smart* Selangor (KISS) atau Jom *Shopping* Skim Mesra Usia Emas (SMUE).

Untuk makluman Y.B, pembahagian jumlah penerima mengikut ketiga-tiga perayaan utama tersebut adalah berdasarkan kepada statistik pengundi

berdaftar mengikut bangsa Melayu, Cina dan India di setiap DUN yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. Kaedah ini dapat membantu untuk mengenalpasti DUN yang mempunyai jumlah pengundi yang tertinggi mahupun yang terendah mengikut bangsa dan memudahkan proses pembahagian baucar bagi Program Bantuan Baucar Sempena Hari Raya Aidilfitri, Perayaan Tahun Baru Cina, dan Sambutan Perayaan Deepavali.

Oleh yang demikian, pelaksanaan Program Jom *Shopping* Perayaan ini telah mengambil kira berdasarkan 3 kelompok etnik utama di Malaysia dimana penganut Kristian turut tergolong di dalam 2 etnik utama iaitu Cina dan India sebagai penerima baucer bagi Program Jom *Shopping* berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, setiap DUN akan menerima sejumlah baucar di antara 300 unit hingga 800 unit mengikut kepadatan pengundi di sesuatu DUN berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KERAJAAN PRIHATIN**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah pegawai e-Kasih untuk setiap DUN akan mula bertugas bagi membantu mempercepatkan proses permohonan e-Kasih?
- b) Apakah bantuan Kerajaan Negeri untuk membantu ibu tunggal yang ramai di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan Negeri telah melantik seramai 51 orang Pegawai eKasih tambahan, iaitu Pegawai Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor (ICU), untuk membantu melancarkan semua urusan berkaitan dengan permohonan e-Kasih daripada Pejabat DUN.

Walaupun para pegawai ini ditempatkan di pejabat-pejabat daerah, mereka akan bertanggungjawab untuk menguruskan semua permohonan e-Kasih yang telah ditetapkan mengikut DUN masing-masing.

Pada masa ini, seramai 51 orang Pegawai e-Kasih tersebut telah ditempatkan di Pejabat Daerah Dan Tanah seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN PEGAWAI E-KASIH (ORANG)</b>
1.	Shah Alam (Ibu Pejabat)	8
2.	Petaling	6
3.	Gombak	6
4.	Hulu Langat	5
5.	Klang	5
6.	Kuala Selangor	5
7.	Sabak Bernam	5
8.	Hulu Selangor	4
9.	Kuala Langat	4

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN PEGAWAI E-KASIH (ORANG)</b>
10.	Selangor	3
	<b>JUMLAH</b>	<b>51</b>

(Sumber jawapan dari Seksyen Khidmat Pengurusan, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor)

- b) Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat terhadap semua golongan yang memerlukan bantuan termasuklah golongan ibu tunggal di Selangor. Golongan ibu tunggal di Selangor boleh menikmati pelbagai bentuk bantuan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui program-program di bawah Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga ataupun melalui program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) serta pelaksanaan program-program oleh Pusat Wanita Berdaya (PWB) di seluruh Selangor.

Program-program IPR yang disediakan Kerajaan Negeri adalah layak untuk dimanfaatkan oleh semua golongan wanita termasuklah ibu tunggal yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan sama ada program-program berbentuk kesihatan, pendidikan, perniagaan dan perusahaan mahupun bantuan kepada anak-anak.

Antara program dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk memperkasakan golongan wanita dan ibu tunggal di Selangor ialah seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>CATATAN</b>
1.	Program Pemberdayaan Wanita	Berbentuk kursus-kursus kemahiran, latihan dan bimbingan, program keusahawanan sosial, pembinaan jati diri melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga dan 56 Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor.
2.	Skim Kesihatan Wanita (Mammosel)	Pemeriksaan Saringan Mammogram Percuma kepada Wanita Selangor yang berumur 35 tahun ke atas.

BIL	PERKARA	CATATAN
3.	Program Kasih Ibu <i>Smart</i> Selangor (KISS)	Bantuan kewangan bulanan kepada ibu yang berkeluarga yang mempunyai tanggungan anak berumur 21 tahun ke bawah sebanyak RM200.00 sebulan untuk membeli barangan keperluan asas keluarga yang dibenarkan.
4.	Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (Asuh Pintar)	Bantuan yuran taska atau nurseri sebanyak RM100 setiap bulan.
5.	Bantuan Tadika Negeri Selangor (TUNAS)	Bantuan yuran tadika sebanyak RM50 setiap bulan.
6.	Skim Mikrokredit Hijrah	Modal bantuan berniaga sehingga RM50,000.00.
7.	Bantuan Sihat Selangor	Bantuan kos rawatan bagi pesakit buah pinggang, bantuan kaki palsu, pembedahan katarak serta rawatan - rawatan lain atau pembelian alat sokongan.

Kesemua program yang ditawarkan ini meliputi pelbagai aspek bukan sahaja untuk mengurangkan beban kewangan tetapi juga sebagai salah satu jaringan sistem sokongan kepada golongan wanita dan ibu tunggal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : SKIM AIR DARUL EHSAN**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan bahawa Skim Insentif Air Selangor betul-betul sampai ke golongan sasaran?

**JAWAPAN:**

- a) Bermula pada 01 Mac 2020, pemberian air percuma 20 meter telah dijenamakan sebagai Skim Air Darul Ehsan. Matlamat utama dalam melaksanakan Skim Air Darul Ehsan adalah untuk memastikan penyaluran subsidi yang lebih fokus kepada golongan sasaran khususnya kepada golongan berpendapatan isi rumah tidak lebih RM4,000.00 di seluruh Selangor dalam usaha untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup golongan ini.

Dalam usaha untuk memastikan tiada golongan sasaran yang tertinggal dalam menikmati Skim Air Darul Ehsan ini, Kerajaan Negeri menggesa supaya semua pemohon yang layak dan memenuhi syarat untuk membuat permohonan melalui pendaftaran sama ada secara atas talian melalui laman web Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) [www.ssipr.selangor.gov.my](http://www.ssipr.selangor.gov.my) atau secara manual mengisi Borang Permohonan Program IPR Skim Air Darul Ehsan. Pendaftaran Skim Air Darul Ehsan ini bermula pada 30 September 2019 sehingga 31 Disember 2019. Borang permohonan untuk pendaftaran telah disediakan dalam Bahasa Melayu, English, Mandarin dan Tamil termasuk juga senarai soalan lazim (FAQ).

Proses pendaftaran ini adalah untuk mengumpul dan mengemaskini semua data pemohon Skim Air Darul Ehsan dan bagi proses pengesahan pemohon yang layak melalui semakan silang dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Proses semakan silang hanya akan bermula selepas tarikh tutup permohonan, dan pemohon akan dimaklumkan berkenaan status permohonan mereka selewat-lewatnya pada penghujung bulan pertengahan bulan Februari 2020, iaitu sebelum pelaksanaan Skim Air Darul Ehsan yang akan bermula pada 01 Mac 2020.

Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju supaya penjelasan terperinci diberikan kepada rakyat Negeri Selangor melalui public engagement yang diterajui oleh Kerajaan Negeri Selangor dan disokong oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) melibatkan semua Ahli Dewan Negeri

Selangor, Penghulu dan Ketua Kampung menerusi Pejabat Tanah dan Daerah, Ahli-ahli Majlis dan JMB menerusi Pihak Berkuasa Negeri, selain daripada hebahan melalui edaran risalah, laman web, media massa dan media sosial. Taklimat pertama telah diadakan pada 27 September 2019.

Pada ketika ini, Air Selangor telah menyediakan cadangan jadual program dan aktiviti berhubung penerangan dan pendaftaran, dengan semua pihak berkepentingan, selain daripada hebahan melalui edaran risalah, laman web, media massa dan media sosial, menggunakan platform Kerajaan Negeri Selangor iaitu Selangor Kini, Selangor TV, dan sebagainya beserta platform Air Selangor sendiri.

Justeru itu, kerjasama dari semua Ahli-ahli Yang Berhormat adalah juga dipohon supaya dapat menggalakkan semua pengguna yang layak untuk mendaftar melalui laman web Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) [www.ssipr.selangor.gov.my](http://www.ssipr.selangor.gov.my) bagi memastikan mereka tidak tercicir dalam menikmati Skim Air Darul Ehsan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PENGURUSAN BANTUAN BENCANA ALAM**


124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisma pengurusan bencana alam di peringkat DUN dan negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor menggunakan Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20 : Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara.

**MEKANISME PENGURUSAN BENCANA**



**TAHAP PENGURUSAN BENCANA**

- i. "Pengurusan Bencana Tahap I" ialah pengurusan dan pengendalian kejadian Bencana yang berlaku di sesuatu kawasan dan ianya dapat ditangani dengan berkesan oleh agensi-agensi yang terlibat di dalam pengurusan Bencana di Peringkat Daerah sama ada tanpa bantuan luar atau dengan bantuan luar yang terhad.



- ii. “Pengurusan Bencana Tahap II” ialah pengurusan dan pengendalian kejadian Bencana yang berlaku melebihi daripada satu daerah di negeri yang sama yang memerlukan penggembleran sumber di Peringkat Negeri dengan bantuan daripada Peringkat Pusat yang terhad.
- iii. “Pengurusan Bencana Tahap III” ialah pengurusan dan pengendalian kejadian Bencana yang berlaku melebihi daripada satu negeri atau bersifat kompleks yang memerlukan penyelarasan dan penggembleran sumber di Peringkat Pusat atau dengan bantuan luar negara.

Negeri Selangor bermula pada tahun 2014 telah menubuhkan Unit Pengurusan Bencana selaku urusetia bersama Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN). Pemantauan semua kes bencana adalah seperti carta alir di bawah :



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : CSR MBI UNTUK PROGRAM SUMBANGAN INSENTIF HAJI**

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak MBI mempunyai perancangan supaya CSR MBI berkenaan sumbangan insentif haji kepada jemaah haji betul-betul sampai kepada jemaah haji Selangor sahaja dan tidak kepada jemaah haji di luar Negeri Selangor terutamanya yang tinggal berhampiran dengan sempadan?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak CSR MBI akan sentiasa bekerjasama dengan Lembaga Urusan Tabung Haji bagi mengemaskini kaedah agihan dan seterusnya bakal-bakal haji negeri Selangor yang layak menerima insentif haji dapat menerima insentif haji dengan baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : SUKATAN PELAJARAN**

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan berhasrat ingin mengubal sukatan pelajaran di Sekolah Agama KAFA dan Sekolah Agama Rakyat dengan memasukkan pelajaran kenegaraan dan integriti?

**JAWAPAN:**

- a) Tidak. Sukatan pelajaran mengenai kenegaraan telah sedia ada di dalam mata pelajaran Sejarah di aliran kebangsaan dan pelajaran Akhlak yang telah bermula sejak tahun 1 hingga tahun 6 melangkaui segala nilai-nilai moral, etika dan integriti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : TAHUN MELAWAT MALAYSIA**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan bagi menarik pelancong dari luar dan dalam negara untuk datang melawat tempat-tempat menarik di Negeri Selangor sempena Tahun Melawat Malaysia tahun hadapan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor akan terus memainkan peranan penting dalam mempromosikan Negeri Selangor sempena Tahun Melawat Malaysia pada tahun hadapan. Antara rancangan tindakan yang akan terus dilakukan adalah seperti yang berikut.

**i. Penganjuran Program Promosi Dalam dan Luar Negara.**

Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor akan meneruskan semua aktiviti promosi yang telah dijalankan samada di dalam mahupun di luar Negara untuk memperkenalkan tempat-tempat menarik yang ada di Negeri Selangor. Antara promosi ke luar negara yang dijalankan adalah seperti berikut:

- Asean Tourism Forum (ATF)
- Sales Mission to India
- Arabian Travel Mart, Dubai
- ITB , Berlin German

Antara promosi dalam negara yang dijalankan adalah seperti berikut:

- MATTA Fair, PWTC
- Program Squad Kembara Sekolah
- Program Jelajah Negeri Pesona Selangor
- MITA Travel Fair, MITEC

**ii. Penjenamaan Laman web dan Media Sosial Tourism Selangor**

Tourism di dalam laman web rasmi akan sentiasa mempromosi pelancongan sukan negeri dan memastikan semua maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan tepat. Laman web Tourism Selangor telah diberi penjenamaan semula kepada melalui pautan

[www.selangor.travel](http://www.selangor.travel) yang lebih mudah diakses dan menggunakan teknologi serta 'trend' terkini.

Laman Media sosial Tourism Selangor mempunyai jumlah pengikut yang ramai melebihi 300,000 pengikut/followers. Facebook (Bahasa Inggeris, China, Jepun, Arab), Twitter, Wechat, Youtube dan Weibo Rasmi Tourism Selangor menggunakan profil nama @TourismSelangor serta @DiscoverSelangor dapat mempromosikan produk pelancongan dan acara pelancongan Negeri Selangor dengan lebih efektif dan meluas.

**iii. Penganjuran Familiarization Trip 'FAM Trip'**

Tourism Selangor juga akan membawa lawatan-lawatan untuk para media mahupun lain-lain 'fam tour' serta agensi-agensi pelancongan dalam dan luar negara bagi mempromosikan produk-produk pelancongan secara terus kepada '*key players*' dan agensi-agensi pelancongan. Secara tidak langsung acara ini dapat juga mendekatkan diri para peserta dengan kebudayaan dan warisan yang terdapat di Negeri Selangor.

**iv. Penganjuran Kempen Pengiklanan dan Bahan Terbitan Pelancongan**

Tourism Selangor juga mempromosikan prosuk pelancongan melalui kempen pengiklanan media cetak dan media elektronik seperti akhbar, majalah dan risalah promosi. Poster informasi beserta laporan dan artikel diperbanyakkan di media tempatan dan bertaraf antarabangsa. Antaranya seperti, Gaya Travel, Lonely Planet Asia, TTG Asia, Santai Travel, Libur, Akhbar The Star, Selangorkini dan banyak lagi. Selain itu, Tourism Selangor juga menerbitkan risalah pelancongan seperti direktori pelancongan, peta, dan info grafik untuk memberikan informasi lengkap berkenaan acara atau kemudahan sukan yang berkonsepkan pelancongan. Antaranya seperti, Selangor Breakaway, The Best of Selangor, Selangor – Travelling with Smart Selangor Bus, Selangor Travel Guide, Discover Selangor Interactive Brochure dan Banyak Lagi dalam pelbagai bahasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PELUANG PEKERJAAN NEGERI SELANGOR**

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak peluang pekerjaan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta di Negeri Selangor untuk tahun 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi tempoh Januari hingga Jun 2019, sebanyak **6,628 potensi peluang pekerjaan** telah ditawarkan melalui projek-projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Selangor.

Pihak Invest Selangor tiada rekod berkenaan peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam sektor Kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : KELESTARIAN ALAM SEKITAR**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak bilangan pokok yang ditanam untuk menjaga kelestarian alam sekitar di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi memelihara kelestarian alam sekitar di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menjalankan aktiviti menanam pokok di kawasan seliaan masing-masing. Jumlah pokok yang telah ditanam mengikut PBT bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH POKOK YANG DITANAM TAHUN 2019</b>
1.	MBSA	115,436 Nos
2.	MBPJ	229,712 Nos
3.	MPK	63,422 Nos
4.	MPSJ	85,312 Nos
5.	MPS	556,188 Nos
6.	MPAJ	145,333 Nos
7.	MPKJ	29,235 Nos
8.	MPSP	70,902 Nos
9.	MDKL	187,662 Nos
10.	MDKS	534,892 Nos
11.	MDHS	13,092 Nos

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH POKOK YANG DITANAM TAHUN 2019</b>
12	MDSB	7,083 Nos
<b>JUMLAH</b>		<b>2,038,269 Nos</b>



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MASALAH GANGGUAN AIR**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah gangguan bekalan air yang kerap kali berlaku sejak 2018, ramai penduduk Negeri Selangor merungut kerana ia menjejaskan kehidupan harian mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Gangguan bekalan air dibahagikan kepada dua kategori iaitu gangguan bekalan air berjadual dan tidak berjadual. Bagi gangguan bekalan air berjadual adalah merujuk kepada penutupan bekalan air sementara bagi pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan dan menaiktaraf sistem bekalan air sama ada di peringkat loji atau sistem agihan. Gangguan bekalan air bagi pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan ini perlu dilaksanakan bagi memastikan aset-aset berada dalam keadaan baik dan beroperasi sepenuhnya dan mengelakkan sebarang gangguan tidak berjadual terutama yang melibatkan jumlah akaun pengguna yang besar.

Gangguan bekalan air tidak berjadual pula adalah disebabkan insiden paip pecah, penutupan loji ekoran pencemaran dan sebagainya.

Air Selangor telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengurangkan gangguan bekalan air terutama yang melibatkan insiden paip pecah termasuk kerja-kerja penggantian paip di kawasan 'hotspot', pemasangan 'Pressure Reducing Valve' (PRV) bagi mengurangkan tekanan dan mengelakkan paip pecah, pemantauan lembangan sungai dan melaporkan kepada pihak berkuasa apabila berlaku pencemaran dan mengambil tindakan segera bagi mengelakkan penutupan loji. Bagi mengurangkan impak semasa berlaku sebarang gangguan bekalan air berskala besar dan pengaktifan ERP, Air Selangor menggerakkan bantuan lori-lori tangki air dan pengaktifan Pusat Khidmat Setempat (PKS) bagi memberikan bantuan kepada pengguna.

Insiden paip pecah yang menyebabkan gangguan bekalan air telah menunjukkan penurunan dimana pada tahun 2017, 5,398 kes paip pecah telah menurun kepada 3,871 kes pada tahun 2018 dan seterusnya penurunan kepada 1,955 kes sehingga bulan Ogos 2019 seperti yang tertera pada jadual di bawah.

(i) STATISTIK PAIP PECAH MENGIKUT WILAYAH 2017 – 2019\*

No	WILAYAH	2017			2018			2019*		
		$\varnothing < 1000\text{mm}$	$\varnothing \geq 1000\text{mm}$	JUMLAH	$\varnothing < 1000\text{mm}$	$\varnothing \geq 1000\text{mm}$	JUMLAH	$\varnothing < 1000\text{mm}$	$\varnothing \geq 1000\text{mm}$	JUMLAH
1	Petaling	920	2	922	710	1	711	262	1	263
2	Klang	645	20	665	494	14	508	277	11	288
3	Gombak	825	2	827	614	2	616	373	0	373
4	Kuala Lumpur	680	0	680	593	0	593	254	0	254
5	Hulu Langat	832	0	832	568	1	569	337	1	338
6	Hulu Selangor	525	1	526	474	0	474	205	1	206
7	Sepang	267	2	269	92	1	93	47	3	50
8	Kuala Langat	375	0	375	153	2	155	67	1	68
9	Kuala Selangor	209	9	218	110	4	114	41	9	50
10	Sabak Bernam	84	0	84	38	0	38	65	0	65
<b>JUMLAH</b>		5362	36	<b>5398</b>	3846	25	<b>3871</b>	1928	27	<b>1955</b>

Empat (4) punca utama yang menyebabkan paip pecah dan gangguan bekalan air sementara adalah seperti berikut :

**(ii) STATISTIK PUNCA PAIP PECAH 2017 – 2019\***

No.	PUNCA PAIP PECAH	TAHUN		
		2017	2018	2019*
1	Paip yang usang/berusia (Ageing)	3,289	2,269	1,002
2	Paip yang berkarat (Corrosion)	514	236	413
3	Tekanan berlebihan dalam paip (Excessive Load)	1,171	807	337
4	Pembangunan oleh Pihak Ketiga (3rd Party)	424	559	203
<b>JUMLAH</b>		<b>5,398</b>	<b>3,871</b>	<b>1,955</b>

\* Data tahun 2019 adalah dari bulan Januari hingga Ogos.

Bagi mengatasi dan mengurangkan masalah gangguan bekalan air, Air Selangor telah merangka pelan perancangan serta program yang dapat mengurangkan gangguan dan insiden kes paip pecah seperti berikut:

**1.0 Pelan Jangka Panjang-“Redundancy Pipelines”**

Air Selangor telah merangka pelan jangka panjang ‘redundancy pipeline’ bagi kawasan strategik dan berisiko tinggi yang bertindak sebagai bekalan alternatif sekiranya berlakunya gangguan bekalan air dan meminimakan jumlah kawasan gangguan. Inisiatif ini akan dapat dilaksanakan setelah rezab margin berada pada paras 10% sehingga 15%.

**2.0 Pemantauan Lokasi-Lokasi Projek Pembangunan Pihak Ketiga**

- i. Terdapat 144 lokasi projek pembangunan yang dikenalpasti serta boleh menyumbang kepada gangguan bekalan dan insiden paip pecah disebabkan kerja-kerja pihak ketiga.
- ii. Air Selangor akan menubuhkan pasukan khas yang akan membuat pemantauan di tapak secara langsung dan melaporkan sebarang penemuan yang boleh menyebabkan insiden paip pecah bagi mengurangkan insiden kekerapan paip pecah disebabkan kerja-kerja pihak ketiga.

### **3.0 Kerjasama daripada Kerajaan Negeri Selangor Bagi Pemantauan Pembangunan Pihak Ketiga**

Merujuk kepada mesyuarat MTES Ke 25/2019 bertarikh 28 Ogos 2019, Air Selangor telah mengesyorkan cadangan berikut bagi mengelakkan insiden paip pecah serta gangguan bekalan kepada pengguna yang disebabkan oleh kerja-kerja pihak ketiga.

- i. Kelulusan permit kerja oleh PBT kepada mana-mana projek pembangunan perlu mendapat sokongan dan maklumbalas daripada Air Selangor yang melibatkan aset-aset perkhidmatan air di rezab jalan-jalan awam, rezab jajaran bekalan air dan berhampiran atau sempadan hak milik Air Selangor.
- ii. Menambahkan klausa tambahan ke atas kelulusan permit kerja oleh PBT sekiranya kerja-kerja projek di tapak mengakibatkan paip pecah, pihak PBT berkuasa untuk mengeluarkan arahan pemberhentian kerja (Stop Work Order) untuk satu tempoh yang bersesuaian (sekurang-kurangnya 30 hari).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah insentif oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah pencemaran sungai dan longkang serta saliran di kawasan luar bandar? Ini penting untuk memastikan agar kawasan luar bandar Negeri Selangor dapat dijaga dengan lebih berkesan.

**JAWAPAN:**

**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR**

- a) Pada masa kini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran tidak menyediakan insentif bagi mengatasi masalah pencemaran sungai dan longkang serta saliran di kawasan luar bandar. Namun begitu, bagi penjagaan parit atau saliran di kawasan pengairan seperti di Daerah Kuala Selangor dan Daerah Sabak Bernam, pihak jabatan telah melantik Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan parit dan saliran di dalam kampung masing-masing.

Maklumat Tambahan

**Sumber : LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**

\*Juga menjawab pertanyaan mulut Bil.64(c), Bil.68(a), Bil.91(b), Bil.111(c), Bil.166(a), Bil.184(a), Bil.195(a), Bil.208(b), Bil.244(a), Bil.289(a) serta pertanyaan bertulis Bil.132(a)

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor keseluruhannya sama ada di kawasan bandar atau luar bandar, sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telahewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 413 (40%) daripada jumlah keseluruhan 1026 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui LUAS dan Pengurusan Air Selangor juga telah membangunkan beberapa stesen telemetri kualiti air di hulu dari muka sauk sebagai sistem amaran awal/*early warning system* kepada muka sauk bekalan air jika berlakunya pencemaran di hulu.

Kerajaan Negeri melalui LUAS telah menubuhkan Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri Selangor yang dipengerusikan YB. EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam bagi mempergiatkan usaha dan menggalakkan penglibatan agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan perundangan yang diperuntukkan juga dilaksanakan secara holistik dalam penjagaan sumber air, antaranya :

- i. pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor),
- ii. pemberian Kebenaran Bertulis bagi Aktiviti Pengubahan Sumber, dan
- iii. pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan pendakwaan bagi setiap kesalahan yang berkaitan dengan sumber air.

Dalam usaha menangani isu-isu pencemaran sumber air, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam;
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Alam Sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : CABARAN PEKERJAAN PARA GRADUAN**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menaikkan kebolehpasaran para graduan lepasan UNISEL (Universiti Selangor)? Ini penting kerana para graduan menghadapi begitu banyak cabaran untuk mendapatkan pekerjaan di pasaran kerja.

**JAWAPAN:**

- a) Universiti Selangor adalah milik penuh Kerajaan Negeri Selangor. Y.A.B. Menteri Besar sendiri adalah Pengerusi kepada Lembaga Pengarah Pendidikan Industri Yayasan Selangor Sendirian Berhad (PIYSB).

Antara langkah-langkah yang dicadangkan adalah seperti berikut :

1. Anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor digalakkan menyediakan platform bagi graduan UNISEL.
2. Anak-anak syarikat Kerajaan Negeri digalakkan menyediakan satu skim khas untuk graduan UNISEL menjalani latihan sementara mendapat pekerjaan tetap samada di sektor kerajaan atau sektor swasta.
3. Bahagian Sumber Manusia Kerajaan Negeri Selangor diminta bekerjasama dengan UNISEL bagi menganjurkan **Karnival Pekerjaan di UNISEL Shah Alam** bagi memberi peluang graduan UNISEL mendapat pekerjaan.
4. *Menteri Besar Incorporated (MBI)* melalui **Karnival Jelajah 360 Smart Selangor** telah meminta UNISEL mempromosi dan memperkenalkan kursus-kursus yang ada serta para majikan di Selangor dapat membuat pelawaan pekerjaan kepada graduan melalui fakulti-fakulti yang ada.
5. Kerajaan Negeri menyediakan *graduate internship scheme* bagi graduan UNISEL untuk *enhance employability and skills*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : SKIM AIR SELANGOR**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana mekanisma Skim Air Selangor untuk ibubapa yang tinggal sekali dengan anak yang bergolongan B40?

**JAWAPAN:**

- a) Matlamat utama pelaksanaan Skim Air Darul Ehsan adalah untuk memastikan penyaluran subsidi yang lebih fokus kepada golongan sasaran khususnya kepada golongan berpendapatan isi rumah tidak lebih RM4,000 di seluruh Selangor dalam usaha untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup golongan ini.

Sekiranya pemohon merupakan anak yang bergolongan B40, pemohon adalah layak menikmati Skim Air Darul Ehsan dan perlu membuat pendaftaran sama ada secara atas talian melalui laman web Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) iaitu [www.ssipr.selangor.gov.my](http://www.ssipr.selangor.gov.my) atau secara manual mengisi Borang Permohonan Program IPR Skim Air Darul Ehsan.

Syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi memohon Skim Air Darul Ehsan adalah seperti berikut:

- i. Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan menetap di Negeri Selangor;
- ii. Pendapatan bulanan isi rumah RM4,000 dan ke bawah (pendapatan suami dan isteri, tiada pasangan atau bujang);
- iii. Premis kediaman adalah meter individu dan meter pukal (Pangsapuri Kos Rendah);
- iv. Penghuni Pangsapuri Kos Rendah yang menerima bekalan air melalui meter pukal perlu mendapat pengesahan Badan Pengurusan Bersama (JMB)/Perbadanan Pengurusan (MC); dan
- v. Pemohon hanya boleh memohon untuk satu (1) akaun/premis sahaja.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MEMPROMOSI KAWASAN PELANCONGAN**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menaikkan imej dan mempromosi kawasan-kawasan pelancongan yang terdapat di dalam Negeri Selangor?
- b) Adakah apa-apa produk atau kawasan terbaru yang berpotensi untuk diketengahkan?
- c) Apakah Kerajaan berhasrat untuk membina muzium bagi setiap daerah di Selangor untuk menyimpan segala khazanah yang terdapat di daerah tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN telah merancang dan menjalankan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Selangor serta menaikkan imej Negeri Selangor dalam bidang pelancongan. Antara perancangan dan usaha yang telah dirangka yang telah dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:-
  - i) **Penganjuran Program Promosi Pelancongan Dalam dan Luar Negara**  
Bagi meningkatkan kedatangan pelawat dan pelancong ke negeri Selangor. Tourism Selangor telah dan akan menyertai pameran-pameran diperingkat antarabangsa yang fokus kepada B2B (Business to Business) & B2C (Business to Consumer) seperti World Tourism Mart -London (WTM), ITB, Arabian Travel Market (ATM) bagi mempromosi produk-produk dan pakej-pakej pelancongan di negeri Selangor khususnya. Tourism Selangor juga telah menganjurkan program promosi yang berkonsepkan jelajah atau "Sales Mission" mengikut pasaran utama pelancongan Negeri Selangor seperti pasaran Jepun, India dan China. Format program seperti ini akan diteruskan pada pasaran yang baharu seperti Eropah, Timur Tengah dan Australia. Manakala program promosi domestik juga ditekankan kepada masyarakat dan penduduk di Malaysia dalam kepelbagaian program promosi seperti MATTA Fair, MITA Fair Program Promosi Jelajah Negeri dan Skuad Kembara Sekolah.
  - ii) **Penganjuran Program FAM Trip (Familiarization Trip)**  
Tourism Selangor bekerjasama dengan pihak Berkuasa Tempatan (PBT), penggiat industri pelancongan serta produk-produk pelancongan di Negeri

Selangor untuk menganjurkan sesi lawatan tapak atau FAM Trip bersama dengan agensi pelancongan untuk meningkatkan penjualan pakej pelancongan untuk para pelancong dan agensi media tempatan dan antarabangsa bagi meningkatkan publisiti ke peringkat global mengikut jadual.

**iii) Penjenamaan Semula Laman Sesawang Rasmi Tourism Selangor iaitu Selangor.Travel**

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah mengambil langkah proaktif bagi memperbaharui laman sesawang rasmi Tourism Selangor dengan konsep, reka bentuk dan fungsi-fungsi baharu sesuai dan selari dengan permintaan industri dan gaya pelancongan masa kini.

Laman sesawang ini telah melalui proses penjenamaan semula dengan menggunakan pautan dan kempen baharu iaitu "Selangor.Travel". Laman sesawang rasmi pelancongan "Selangor.Travel" ini digerakkan dengan idea baharu sebagai direktori interaktif untuk memacu industri pelancongan dengan menggalakkan pengunjung dan pelancong melayari laman sesawang untuk mendapatkan informasi dan maklumat berkaitan pelancongan Negeri dengan mudah, cepat dan efektif.

Negeri Selangor merupakan negeri yang pertama di Malaysia yang menggunakan pautan 'hosting' dot Travel selepas Tourism Malaysia bagi laman sesawang 'Malaysia.Travel'. Hal ini selari dengan pelan strategik Tourism Selangor dalam memperbanyakkan kempen promosi melalui platform digital dan online bagi mempromosikan produk pelancongan Negeri Selangor ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

**iv) Penganjuran Acara Pelancongan di Negeri Selangor**

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah menyusun kalendar penganjuran acara pelancongan sepanjang Tahun 2020. Antara acara pelancongan yang akan dijalankan adalah seperti Selangor International Indigenous Art Festival 2020, Malaysia Women Marathon 2020, Selangor TwinCity Marathon 2020, Tourism Selangor Golf Championship 2020, Selangor Raja Muda International Regatta 2020, Selangor Explorace Series 2020, Festival Bon Odori 2020, Wings of KKB 2020 dan banyak lagi.

Dengan penganjuran acara ini, lebih ramai pelancong akan mengunjung ke Negeri Selangor bukan sahaja untuk melibatkan diri dalam acara-acara yang dianjurkan, malahan untuk menginap, membeli-belah, melawat tempat-tempat menarik yang ada ni sekitar kawasan penganjuran acara tersebut seterusnya meningkatkan ekonomi setempat. Penganjuran acara pelancongan peringkat negeri dan antarabangsa ini juga merupakan

kaedah yang berkesan untuk memperkenalkan Selangor sebagai destinasi pelancongan utama di Malaysia.

**v) Penambahbaikan Sistem Pengumpulan Data Statistik Pelancongan Negeri Selangor**

Bagi memantapkan industri pelancongan negeri Selangor, Kerajaan Negeri sedang dalam proses untuk membuat penambahbaikan terhadap Sistem Pengumpulan Data Statistik yang mana Sistem ini akan menghasilkan satu Pelaporan Statistik Pelancongan yang lebih menyeluruh dengan kerjasama bersama pihak berkuasa tempatan dan penggiat industri pelancongan di negeri Selangor khususnya. Penambahbaikan ini yang juga merupakan salah satu daripada strategi Program Pemurnian Pelancongan (P3S) yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri pada 08 Julai 2019 yang lalu yang bertujuan agar data tersebut dapat digunakan bagi membantu di dalam menggubal dasar dan merangka pelan tindakan untuk mengenalpasti dan menarik pelaburan pelancongan ke kawasan-kawasan yang berpotensi. Di samping itu, data tersebut juga boleh digunakan untuk membangunkan produk dan pakej mengikut acuan sendiri (customized) atau berteraskan keperluan pasaran bagi menarik lebih ramai pelancong.

**vi) Penganjuran Kempen Promosi Pelancongan dan Pengiklanan Pelancongan Negeri.**

Bagi memastikan impak dan tumpuan industri pelancongan negeri terus dipacu, Kerajaan Negeri komited akan melancarkan kempen Tahun Melawat Selangor 2021 di atas kesinambungan kempen Melawat Malaysia 2020. Kerajaan Negeri juga akan memperkasakan kempen pengiklanan di media cetak dan elektronik di peringkat domestik dan antarabangsa bagi memastikan kempen promosi pelancongan mempunyai nilai pulangan ROI (Return of Investment) yang tinggi dan berkensan.

b) Berikut merupakan produk pelancongan yang baru dan berpotensi untuk diketengahkan telah dikenalpasti oleh pihak Tourism Selangor seperti:

- Muzium Cina Malaysia, Seri Kembangan
- Horse Riding Club, Gombak
- Muzium Sarang Burung Walit, Puchong
- Greenhouse (Ladang Buah Tin), Jeram
- Semenyih Art & Culture Village, Semenyih
- Funtopia, Subang Jaya

c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri Selangor tidak berhasrat untuk mewujudkan muzium di setiap daerah di negeri ini. Keperluan bagi mewujudkan muzium-

muzium daerah adalah berdasarkan kepada kepentingan pelancongan dan warisan sejarah yang sedia ada di daerah tersebut. Sebagai contoh Daerah Klang terdapat Gedung Raja Abdullah, Daerah Kuala Selangor terdapat muzium sejarah Daerah Kuala Selangor dan Muzium Tradisional Rakyat, Daerah Kuala Langat terdapat Muzium Insitu Jugra dan Istana Bandar, Daerah Sabak Bernam terdapat Muzium Pertanian dan Perikanan. Keempat-empat daerah ini mempunyai warisan sejarah yang tersendiri selain mempunyai daya tarikan pelancongan khusus dari daerah tersebut.

Namun, Kerajaan Negeri tiada halangan untuk mewujudkan muzium-muzium lain di daerah lain pada masa akan datang bergantung kepada kekuatan faktor pelancongan yang mapan, warisan dan sejarah selain sumber koleksi/artifak yang mungkin akan ditemui melalui penemuan atau kajian suatu hari nanti. Selain itu juga, Kerajaan Negeri harus mengambil kira faktor kedudukan kewangan yang kukuh dan sumber yang mencukupi di dalam penubuhan muzium-muzium baru itu nanti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : ISU MEMORANDUM OF TRANSFER (MOT) PUTRA PERDANA**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Hampir 20 tahun isu MOT Putra Perdana tiada jalan penyelesaian. Apakah langkah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi membantu penduduk Putra Perdana supaya isu ini dapat diselesaikan dengan kadar segera?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Dengkil, isu MOT adalah di antara pemaju dan pembeli hartanah tersebut.

Kedudukan semasa bagi isu Putra Perdana, sebanyak 12 plot terlibat dan daripada jumlah tersebut, 6 plot telah diberi kelulusan kebenaran pindah milik secara *blanket consent* setelah premium tanah diselesaikan oleh pemaju kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Manakala baki 6 plot yang lain, Pejabat Daerah/Tanah Sepang telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak pemaju termasuk terkini pada 23 Oktober 2019 bagi membantu menyelesaikan isu MOT ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PEMBINAAN JEJANTAS DI HADAPAN UITM DENGKIL**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembinaan jejantas untuk pejalan kaki di hadapan UiTM Dengkil?

**JAWAPAN:**

- a) Permohonan baru telah dipohon ke Bahagian Jalan JKR Selangor pada 20 Disember 2019 untuk tujuan pembinaan projek baru memandangkan permohonan pada tahun 2018 tidak diluluskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PROGRAM PENGURANGAN PELEPASAN GAS KARBON DIOKSIDA  
(ZERO NET CARBON EMISSIONS)**

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah polisi yang digariskan oleh Kerajaan Negeri bagi Program Pengurangan Pelepasan Gas Karbon Dioksida (Zero Net Carbon Emissions)?
- b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri supaya dapat melibatkan syarikat-syarikat di Negeri Selangor mengikuti Program Pengurangan Pelepasan Gas Karbon Dioksida (Zero Net Carbon Emissions)?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan Negeri tiada menyediakan polisi khusus bagi Program Pengurangan Pelepasan Gas Karbon Dioksida atau *Zero Net Carbon Emissions*. Walau bagaimanapun, usaha-usaha bagi menangani pengurangan pelepasan Gas Karbon Dioksida sedang giat dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan melalui pelaksanaan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon.
- b) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan sedang giat menjalinkan kerjasama strategik bersama syarikat-syarikat bagi menjayakan Program Pengurangan Pelepasan Gas Karbon Dioksida (*Zero Net Carbon Emissions*). Diantara program-program yang dijalankan adalah sesi *engagement* dan *townhall* untuk memberi pendedahan mengenai *Low Carbon Cities Framework and Assessment System*, Program Hari Tanpa Kenderaan, Program Hari Alam Sekitar, Program Kesedaran Bandaraya Rendah Karbon dan Program Cepak Tenaga.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menggalakkan PBT untuk menyediakan laluan berbasikal, pemasangan Sistem Penuaian Air Hujan, melaksanakan program tanam pokok yang boleh menyerap karbon dan menggalakkan penggunaan bas elektrik di Negeri Selangor. Pelaksanaan inisiatif ini adalah sebagai satu langkah awal untuk menuju ke arah bandar rendah karbon selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri bagi mengurangkan 40% pelepasan karbon menjelang tahun 2030.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : JAMBATAN TERBENGKALAI YANG MENGHUBUNGKAN KOTA  
WARISAN DAN KLIA**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status jambatan sambungan yang menghubungkan Kota Warisan Daerah Sepang ke KLIA?
- b) Bilakah projek jambatan tersebut akan dimulakan semula?

**JAWAPAN:**

- a) Jambatan sambungan yang dimaksudkan terletak di persimpangan Jalan Persekutuan FT 29 dan Jalan Persekutuan FT 32. Pihak JKR Selangor telah mengangkat permohonan projek baru kepada Cawangan Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).
- b) Projek ini akan dimulakan setelah mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) / Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PRESTASI KETUA KAMPUNG**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berharap supaya penglibatan ADUN sebagai penilai akhir berkaitan prestasi Ketua Kampung dapat diambil kira selain daripada Penghulu.
- b) Memastikan penglibatan Ketua Kampung dengan aktiviti yang dijalankan oleh pihak DUN juga diambil kira sebagai nilai tambah kepada prestasi mereka.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Peranan, tanggungjawab serta tugas khusus MPKK adalah sebagai pemudah cara dan penghubung antara Kerajaan dengan masyarakat setempat serta di peringkat akar umbi dalam menyalurkan sebarang permasalahan atau aduan kepada pihak yang berkaitan. Jumlah keanggotaan MPKK adalah seramai 13 orang yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi, seorang (1) Setiausaha dan 11 Ahli Jawatankuasa (AJK) yang akan menjadi Pengerusi bagi setiap biro yang telah ditetapkan.

Prestasi Pengerusi MPKK atau Ketua Kampung Tradisi yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri ini akan dinilai dari masa ke semasa berdasarkan kriteria dan kaedah tertentu. Untuk permulaan Ketua Kampung Tradisi yang telah dilantik akan melalui tempoh percubaan selama 6 bulan sebelum perkhidmatan mereka dinilai kembali sama ada untuk diteruskan atau sebaliknya.

Antara kriteria umum yang diambil kira ketika menilai prestasi Ketua Kampung Tradisi dalam tempoh 6 bulan percubaan adalah seperti berikut:-

1. Tapisan Keselamatan dan Rekod Jenayah iaitu tiada rekod sabitan hukuman sama ada kes jenayah ataupun kes syariah;
2. Status Kebankrapan;
3. Mempunyai ahli MPKK yang lengkap;
4. Mempunyai isu bantahan atau tidak; dan
5. Mampu menguruskan pentadbiran MPKK dengan baik seperti minit mesyuarat yang lengkap dan laporan kewangan yang teratur.

Perkara-perkara di atas perlu dilaporkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah berkaitan dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Penilaian Peringkat Negeri melalui mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB. EXCO Pembangunan Usahawan serta Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi.

Sebagai tambahan, Ketua Kampung Tradisi juga akan dinilai secara tahunan dari masa ke semasa berdasarkan Kriteria yang ditetapkan melalui konsep Penarafan Bintang (Star Rating). Konsep ini diperkenal dan akan dilaksanakan di dalam pentadbiran Kampung Tradisi Negeri Selangor bermula tahun 2019.

Secara umum konsep ini akan menilai empat (4) elemen utama di dalam pentadbiran kampung iaitu Pengurusan Mesyuarat (kekerapan dan kualiti), Pengurusan Kewangan (ketelusan), Inovasi dan Kreativiti (produk dan anugerah) dan Aktiviti Kemasyarakatan (sambutan dan penglibatan). Melalui 4 elemen tersebut adalah diharapkan kelemahan-kelemahan yang mungkin berlaku seperti kelemahan pemantauan pentadbiran, konflik pengurusan, kurang komitmen ketika menjalankan tugas dan amanah dan sebagainya dapat diatasi dengan bijaksana dan berkhemah. Sebagai tambahan, Institusi MPKK ini perlulah sentiasa diperkasakan oleh sebab ia adalah satu institusi yang sentiasa dekat dan bersama akar umbi (penduduk kampung) di mana secara tidak langsung institusi ini menjadi sistem penyampaian Kerajaan yang efektif dan berkesan untuk menghebah serta melaksanakan dasar-dasar semasa Kerajaan.

Pihak Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi juga telah melaksanakan taklimat kad laporan (*Report Card*) kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berkaitan laporan prestasi semasa Ketua Kampung Tradisi yang telah dilantik pada 15 Ogos 2019 dan mengambil maklum akan pandangan-pandangan yang dilontarkan oleh ADUN semasa sesi taklimat tersebut.

Oleh yang demikian, bagi memastikan penilaian yang dilaksanakan terhadap prestasi Ketua Kampung Tradisi ini sentiasa telus dan berintegriti, cadangan dan pandangan semua pihak termasuklah ADUN berkenaan akan diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan objektif penilaian tersebut tercapai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PROJEK NAIKTARAF JAMBATAN BATANG KALI**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana projek sudah disiapkan serta apakah sebab yang menyebabkan projek itu menjadi lewat untuk disiapkan?
- b) Apakah langkah-langkah yang boleh diambil supaya projek kemudahan rakyat ini dapat disiapkan mengikut jadual meskipun projek ini telah pun lewat daripada tarikh yang dijanjikan siap?
- c) Apakah Kerajaan terpaksa melantik kontraktor baharu supaya projek ini dapat disegerakan?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut adalah status kemajuan fizikal sehingga penghujung bulan September 2019:

Tarikh Mula: 30 April 2018

Tarikh Siap Asal: 29 April 2020

Tarikh Siap Semasa: 25 September 2021

Kemajuan Fizikal : 37.0% (Sebenar) / 37.0% (Jadual)

Masalah kelewatan disebabkan oleh masalah pengambilan balik tanah yang masih belum selesai. Status terkini pihak JKPTG Selangor telah mengadakan perbincangan bagi tujuan pengambilan.

- b) Berikut adalah langkah-langkah yang diambil:
  - i. Mempercepatkan proses pengesahan kos tambahan kerja-kerja pengalihan utiliti dan pelaksanaan kerja di tapak.
  - ii. Memberikan kerjasama yang sebaiknya bersama agensi yang terlibat terutamanya JKPTG dalam memastikan proses pengambilan tanah berjalan dengan lancar.
  - iii. Meningkatkan pengawasan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor di tapak.

- iv. Meningkatkan kekerapan mesyuarat tapak dan mesyuarat teknikal bagi menyelesaikan isu-isu di tapak.
- c) Buat masa ini tiada keperluan untuk melantik kontraktor baru.